



## AGAMA BARU ITU BERNAMA PLURALISME!

Nampaknya sehingga ke hari ini isu penggunaan kalimah Allah masih belum reda. Bezanya, perkembangan mutakhir ini menyaksikan wujudnya ketegangan bukan di antara penganut Islam dan Kristian, tetapi di kalangan sesama Islam sendiri. Sesetengah pihak begitu ekstrem berpegang kepada pendapat masing-masing sehingga ikatan ukhuwah Islam terus terbakar dan semakin hangus kerananya. Sejak awal tercetusnya isu ini, Ahli Parlimen Shah Alam dari PAS, Khalid Samad antara yang dikecam hebat kerana pendiriannya, sehingga lebih 20 laporan polis dibuat terhadapnya dan terbaru, Zulkifli Nordin membuat laporan polis terhadap Khalid yang menyebabkan timbul ketegangan di dalam PKR sehingga ada desakan agar Ahli Parlimen Kulim Bandar Baru itu dibuang dari parti. Sungguh malang melihat perkembangan ini di mana isu kalimah Allah kini telah bertukar menjadi satu 'tragedi' sesama Muslim. Di sisi yang lain, pelbagai *political milage* yang cuba diraih oleh parti politik dan golongan politikus bagi menjatuhkan lawan masing-masing menggunakan isu ini. Tidak kurang pentingnya dari semua hal di atas, satu lagi 'agenda' lain yang timbul ekoran dari isu kalimah Allah ini adalah munculnya usaha-usaha dialog antara agama atau aktiviti lain yang cuba merapatkan 'ukhuwah' di antara penganut pelbagai agama di Malaysia. Di Kelantan, Menteri Besarnya, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menganjurkan majlis Jamuan Muhibah Antara Agama dengan menjemput seramai 200 orang ketua-ketua agama seluruh negara yang mewakili lima agama utama negara yang diadakan pada 28 Januari (semalam). Seramai 16 orang daripadanya adalah ketua-ketua paderi Kristian dari seluruh negara yang sedang bersidang di Kota Bharu. "Majlis makan ini adalah lambang kita meraikan tetamu bagi orang Islam", kata Nik Aziz [[harakahdaily.net](http://harakahdaily.net)].

Menariknya, terdapat satu perkembangan yang hampir sama berlaku di negara jiran, Indonesia, walaupun peristiwa yang menjadi momentumnya adalah berbeza. Bersamaan dengan meninggalnya mantan Presiden Republik Indonesia yang ke-4, Abdul Rahman Wahid atau lebih dikenali dengan Gus Dur, isu 'toleransi' di antara agama kembali menjadi perbincangan hangat. Isu ini yang lebih tepatnya dikenali sebagai 'pluralisme' menjadi berita utama selama beberapa hari hampir di kesemua media cetak, baik ia dikaitkan secara langsung dengan peribadi Gus Dur atau pun tidak. Isu pluralisme kembali mencuat terutama setelah Presiden Susilo Bambang Yudhoyono menjuluki Gus Dur sebagai "Bapak Pluralisme" yang patut menjadi teladan bagi seluruh bangsa [[antara.co.id](http://antara.co.id) 31/12/09]. Mantan Ketua Majlis Permusyawaratan Rakyat, Amien Rais pun menilai Gus Dur sebagai ikon pluralisme [[kompas.com](http://kompas.com) 02/01/10]. Kalangan liberal juga tidak ketinggalan. Salah seorang aktivisnya, Zuhairi Misrawi, menulis bahawa dalam rangka memberikan penghormatan terhadap Gus Dur sebagaimana dilakukan oleh Presiden Yudhoyono, akan sangat baik jika Majlis Ulama Indonesia (MUI) mencabut kembali fatwa pengharaman terhadap pluralisme [[kompas.com](http://kompas.com), 04/01/10]. MUI dalam fatwanya No.7/MUNAS VII/MUI/11/2005 telah menyatakan dengan jelas bahawa pluralisme (selain sekularisme dan liberalisme) adalah fahaman yang bertentangan dengan ajaran Islam, dan umat Islam haram mengikuti fahaman tersebut. Sautun Nahdhah kali ini akan menjelaskan serba ringkas dalam ruang yang terbatas ini akan hakikat pluralisme dan pandangan Islam mengenainya.

### Hakikat Dan Bahaya Pluralisme

Sebelum pergi lebih jauh, kita harus membezakan terlebih dahulu antara 'pluraliti' dan 'pluralisme'. Pluraliti (keragaman) adalah satu keadaan di mana di tengah masyarakat terdapat pelbagai ragam ras, suku, bangsa, bahasa dan agama. Ini adalah sebuah kenyataan yang wujud di dunia sebagai hasil dari proses-proses sosiologi, biologi dan juga historis yang berjalan di muka bumi. Secara biologi, Allah SWT memang menciptakan manusia bersuku-suku, berbangsa-bangsa dengan warna kulit, serta bahasa yang berbeza-beza. Sedangkan secara sosiologi, manusia yang beragama ini memilih untuk memiliki keyakinan atau agama yang berbeza-beza pula. Berbeza dengan pluraliti, pluralisme adalah satu fahaman yang menempatkan keragaman sebagai nilai yang tinggi dalam masyarakat. Pluralisme agama adalah sebuah fahaman yang menyatakan bahawa semua agama adalah sama. Ia adalah satu bentuk toleransi agama di mana agama apa pun dalam pandangan fahaman ini hanyalah merupakan jalan yang berbeza untuk menuju titik kebenaran yang sama (*different ways to the same truth*). Kerana itu, tidak boleh ada 'dakwaan kebenaran' (*claim of truth*) dari agama mana pun bahawa agama merekalah yang paling benar, dan juga tidak boleh ada dakwaan bahawa keselamatan sebenar (*true salvation*) dari seksa neraka hanya diperoleh apabila memeluk agama tertentu sahaja. Menurut fahaman ini, kerana agama yang ada hanyalah jalan yang berbeza menuju titik kebenaran yang sama, maka semua agama pasti akan menghantarkan pemeluknya menuju syurga.

Kemunculan idea pluralisme didasarkan pada keinginan untuk melenyapkan keyakinan *claim of truth* yang dianggap menjadi penyebab munculnya sikap ekstrem, radikal, konflik antara agama serta penindasan dan perang atas nama agama. Kerana itu, mereka berpendapat bahawa diperlukan gagasan pluralisme sehingga agama tidak lagi bersifat eksklusif dan berpotensi memicu konflik. Menurut kaum pluralis, konflik dan kekerasan atas nama agama hanya akan hilang jika setiap agama tidak lagi menganggap agamanya adalah yang paling benar. Inilah hakikat idea pluralisme agama yang dipropagandakan di seluruh dunia Islam melalui pelbagai bentuk dan cara. Kuffar Barat mahukan agar umat Islam

mempunyai *iktikad* (keyakinan) ini, yakni umat Islam mesti yakin (*beriktikad*) bahawa agama lain juga membawa kebenaran dan jangan sekali-kali *beriktikad* bahawa Islamlah satu-satunya agama yang benar. Secara sedar atau tidak, segelintir umat Islam telah condong ke arah ini dengan berusaha mencari titik temu di antara agama-agama yang ada, kerana kesemua agama dianggap benar dalam rangka untuk bertoleransi di antara satu sama lain.

Dari idea pluralisme inilah, maka lahir pelbagai gagasan lainnya sebagai usaha ke arah mewujudkan toleransi beragama seperti dialog antara agama, doa bersama, perayaan bersama dan sebagainya. Dalam politik, idea pluralisme ini senantiasa didukung oleh polisi pemerintah yang diterjemahkan sebagai amalan demokrasi dan hak asasi manusia. Inilah sekilas fakta yang menjadi faktor yang memunculkan gagasan pluralisme agama ini. Namun selanjutnya, faktor dominan yang memicu maraknya isu pluralisme agama adalah niat dan usaha kuffar Barat untuk mengukuhkan dominasi Kapitalisme mereka, khususnya ke atas dunia Islam. Selain isu-isu demokrasi, hak asasi manusia dan kebebasan serta perdamaian dunia, pluralisme agama adalah sebuah gagasan yang terus disuarakan Kapitalisme global yang digalang Amerika Syarikat untuk memecah belah kefahaman sekaligus melemahkan akidah umat Islam, dengan pengakuan bahawa semua agama adalah sama dan sama-sama benar!

Kita semua tahu bahawa hujah atau ciri penting sesebuah agama adalah 'dakwaan kebenaran' terhadapnya. Inilah juga hujah atau ciri penting yang cuba dibawa oleh gagasan pluralisme yang mana semua orang cuba dimasukkan *iktikad* agar meyakini bahawa 'semua agama adalah sama'. Apabila seseorang itu telah meyakini ini, maka ini bermakna, dalam diri seseorang itu telah muncul satu lagi akidah baru yakni akidah pluralisme (= meyakini bahawa semua agama adalah sama). Justeru, tidak keterlaluan untuk dikatakan bahawa akidah baru ini telah menjadikan pluralisme sebagai satu 'agama baru' kepada manusia sehingga manusia bersungguh-sungguh cuba memperjuangkannya, sesuai dengan 'sifat' sebuah agama yakni mesti diperjuangkan akan 'kebenarannya'. Inilah bahayanya idea pluralisme pada umat Islam yang jelas-jelas boleh menggelincirkan akidah umat Islam, tanpa

mereka sedari! Kuffar Barat sangat memahami bahawa akidah Islam adalah rahsia kekuatan umat Islam di mana jika ia tidak dilemahkan, maka umat Islam akan bisa bangkit dan mengancam hegemoni Barat. Maka, demi memastikan kebangkitan umat Islam tidak berlaku, akidah seseorang Muslim harus digoncang dan jika boleh, dimusnahkan terus. Inilah tujuan sebenarnya dari wacana pluralisme agama, tidak ada yang lain.

## Kebatilan Pluralisme

Umat Islam seharusnya mengkaji bahawa asal-usul fahaman pluralisme ini bukanlah dari Islam, tetapi dari orang-orang kafir Barat yang mengalami trauma hasil konflik dan perang antara puak Katolik dan Protestan serta kumpulan Ortodoks. Antaranya adalah kesan dari peristiwa tahun 1527 di Paris yang disebut dengan *The St Bartholomeus Day's Massacre* di mana pada satu malam di tahun tersebut, seramai lebih 10,000 orang Protestan dibantai habis-habisan oleh puak Katolik. Peristiwa yang mengerikan inilah yang telah mengilhamkan 'semakan semula' ke atas teologi Katholik pada *Vatican Conciliation II* (1962-1965). Keyakinan bahawa 'extra ecclesiam nulla salus' (*no salvation outside the church* - tidak ada keselamatan di luar gereja) telah diubah menjadi kebenaran dan keselamatan terdapat juga di luar gereja (di luar agama Katolik/Protestan). Dari sinilah munculnya fahaman bahawa kebenaran itu turut ada pada agama lain, yang nyatanya lahir dari peristiwa sosio-historik kaum Kristian di Eropah dan AS.

Kelihatan amat jelas di sini bahawa wujudnya pendirian tidak tetap Gereja. Andai kata hasil *Vatican Conciliation II* diamalkan secara konsisten, tentunya gereja harus menganggap agama Islam juga adalah benar, tidak hanya agama Kristian sahaja. Tetapi fakta tidak menunjukkan demikian. Buktinya, kaum Kristian dari dulu hingga kini terus sahaja melakukan usaha-usaha kristianisasi yang menurut mereka adalah untuk menyelamatkan domba-domba (baca: umat Islam) yang sesat yang belum pernah mendengar khabar gembira dari Tuhan Yesus. Jika benar golongan Kristian ini menganggap bahawa agama Islam juga adalah benar, kenapakah mereka terus melakukan usaha pengkristianan ke atas umat Islam? Jika benar mereka mengakui kesamaan agama, kenapakah mereka memperuntukkan dana yang tidak terbatas untuk mengkristiankan umat Islam? Ini jelas menunjukkan bahawa puak Kristian tidak pernah menganggap bahawa agama Islam adalah benar. Inilah pembohongan idea pluralisme yang mereka perjuangkan.

Secara realitinya, berapa banyak kes yang kita dengar dan kita tahu sendiri bahawa seorang Kristian yang telah bertukar agama kepada Islam, ahli keluarga mereka (yang Kristian) memarahi, memusuhi, malah menghalau mereka dari rumah!? Begitu juga dengan agama-agama lain seperti Hindu dan Buddha contohnya, apabila ada di kalangan ahli keluarga mereka yang memeluk Islam, maka terdapat begitu banyak kes di mana ahli keluarga mereka yang memeluk Islam itu dipulaukan, malah ada yang dipukul dan dihalau dari rumah. Jika benar mereka mengamalkan toleransi agama dan percaya kepada kesamaan di antara agama, mengapa mereka harus memusuhi ahli keluarga mereka yang memeluk Islam? Sedarlah wahai umat Islam! Bahawa agenda pluralisme ini adalah tidak lebih dari usaha pembohongan dan penyesatan kuffar yang begitu nyata ke atas kita semua.

## Kemajmukan Bangsa Manusia (Pluraliti) vs Kemajmukan Agama (Pluralisme)

Kita perlu jelas bahawa kemajmukan bangsa atau keturunan manusia ciptaan Allah (pluraliti) merupakan perkara yang berada di luar kuasa kita. Allah menciptakan manusia berlainan bangsa untuk kita saling kenal mengenal antara satu sama lain, bukan untuk melebihi-lebihkan suatu bangsa atau kaum. Ini berbeza dengan pluralisme yang memikul idea bahawa semua agama, dalam kemajmukannya, adalah sama. Setelah datangnya Islam, agama yang sah di sisi Allah adalah Islam. Malangnya, umat Islam yang terpesona dan terperangkap dengan idea pluralisme agama ini, berusaha keras mencari dalil-dalil di dalam Al-Quran agar 'agama baru' ini diterima oleh kaum Muslimin. Sering kita melihat golongan ini menggunakan ayat-ayat Al-Quran yang menyebut tentang kepelbagaian kaum atau bangsa untuk menyokong hujah mereka,

sedangkan ayat ini tidak ada kaitan langsung dengan pengiktirafan Islam terhadap agama lain. Islam tidak pernah mengiktiraf kebenaran agama lain, namun begitu, penganut Islam dilarang memaksa penganut agama lain untuk memeluk Islam atau melakukan provokasi terhadap mereka. Umat Islam hendaklah menyeru mereka kepada Islam secara pemikiran dengan cara yang terbaik.

Antara dalil yang sering mereka ketengahkan untuk membenarkan idea sesat ini ialah firman Allah, "*Wahai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kalian dari laki-laki dan perempuan, dan Kami menjadikan kalian berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kalian saling mengenal...*" [TMQ al-Hujurat (49):13]. Menurut kaum pluralis, ayat ini menunjukkan adanya pengakuan Islam terhadap gagasan pluralisme. Walhal sesungguhnya, ayat ini sama sekali tidak ada kaitannya dengan idea pluralisme agama yang diajarkan oleh kaum pluralis. Ayat ini hanya menjelaskan kemajmukan (pluraliti) suku dan bangsa manusia yang Allah ciptakan dan ia sama sekali tidak menunjukkan bahawa Islam mengakui *claim of truth* dari agama-agama atau *isme-isme* selain Islam. Ayat ini langsung tidak menjelaskan apatah lagi membenarkan persamaan antara agama. Ini diperkuatkan lagi dengan firman Allah yang mengakui hanya Islamlah satu-satunya agama yang benar, "*Sesungguhnya agama yang diredhai di sisi Allah hanyalah Islam*" [TMQ Ali Imran (3):19].

Memang benar bahawa kewujudan agama-agama selain Islam diakui oleh Islam, tetapi bukan bererti ianya benar. Maksudnya, orang-orang kafir dibiarkan bebas menganut agama mereka tetapi tidak sekali-kali bermakna bahawa agama yang mereka anuti adalah benar. Islam mengakui 'kewujudan' agama-agama lain namun bukan mengakui 'kesahihan' agama-agama tersebut. Semua agama selain Islam adalah tidak benar dan tidak diterima oleh Allah, "*Barang siapa mencari agama selain Islam, maka sekali-kali tidaklah akan diterima (agama itu) daripadanya, dan dia di akhirat termasuk orang-orang yang merugi*" [TMQ Ali Imran (3):85].

Satu soalan yang kita perlu tujukan kepada umat Islam yang memperjuangkan pluralisme adalah, jika benar mereka meyakini bahawa semua agama adalah sama, apakah mereka sanggup untuk menukar agama Islam yang mereka anuti itu dan masuk agama Hindu atau Buddha atau Kristian atau Yahudi? Jika semua agama adalah sama dan sama-sama benar, maka secara logiknya tentulah tidak menjadi masalah untuk mereka bertukar kepada agama apa sekalipun, namun persoalannya, sanggupkah mereka berbuat demikian? *Na'uzubillah min zalik*. Sesungguhnya kita sekali-kali tidak akan menukar agama Islam yang kita anuti ini kepada agama-agama lain kerana agama Islam adalah satu-satunya agama yang benar dan kesemua agama lain adalah sesat, sesesat-sesatnya.

## Khatimah

Wahai kaum Muslimin! Apa yang wajib untuk kita lakukan bukanlah mengadakan dialog atau meraikan orang-orang kafir untuk mencari atau menjunjung persamaan agama, tetapi mengadakan perdebatan intelektual dengan mereka dalam rangka menyatakan kebenaran agama Islam dan kebatilan agama mereka. Apa yang wajib kita lakukan adalah terus-menerus menyeru para pemeluk agama lain untuk memeluk Islam sebagai satu-satunya agama yang benar yang akan menyelamatkan mereka dari azab Allah. Sungguh, tidak ada persamaan langsung di antara agama kita dengan agama mereka. Agama kita adalah benar dan agama mereka adalah salah. Tidak ada pluralisme!!! Adalah satu keharaman memperjuangkan idea kesamaan agama dan sesungguhnya murtadlah mereka yang meyakini bahawa semua agama adalah benar! Demi sesungguhnya satu-satunya agama yang benar di sisi Allah adalah Islam dan hanya Islam sahajalah yang akan membawa seseorang itu ke syurga dan sesungguhnya tidak ada dan tidak akan pernah ada titik temu di antara Islam dengan agama-agama lain. Yang ada hanyalah titik temu di antara agama-agama lain sesama mereka sahaja – titik temu mereka adalah dalam kesesatan dan dalam neraka! Firman Allah SWT, "*Sesungguhnya orang-orang kafir yakni ahli Kitab dan orang-orang musyrik (akan masuk) ke neraka Jahannam; mereka kekal di dalamnya. Mereka itu adalah seburuk-buruk makhluk*" [TMQ al-Baiyyinah (98):6]. *Na'uzubillah min zalik*.